



Air Ketuban Kurang

Harus Bersedia Risiko, Jangan Ambil Mudah

Masalah air ketuban yang semakin berkurangan tanpa sedar sebenarnya satu hal yang menakutkan bagi ibu mengandung. Lebih-lebih lagi ibu mengandung anak sulung.

Kehilangan jumlah air ketuban yang hilang tanpa sedar ini sebenarnya banyak risikonya dan jika ini berlaku ibu biasanya akan diminta untuk bersedia melahirkan anak pada bila-bila masa sahaja. Bimbang risiko pada bayi di dalam kandungan.

Pengalaman sebegini mungkin kerap dialami terutama bagi ibu yang melahirkan anak sulung. Walau bagaimanapun, ia mungkin dianggap perkara biasa justeru tidak ramai mengetahui pentingnya air ketuban serta risiko yang dialami sekiranya kekurangan air ketuban.

BERSIFAT MELINDUNGI BAYI

Air ketuban merupakan cecair yang berasal daripada rembesan kulit bayi dan produk air kencing bayi yang mengelilingi bayi semasa dalam kandungan ibu. Biasanya berwarna jernih dan tidak berwarna, tetapi boleh bertukar menjadi warna kepada kehijau-hijauan atau kecoklatan sekiranya bercampur dengan najis janin.

Antara sifat air ketuban ialah tidak pekat seperti lelehan faraj dan tidak berbau sebagaimana air kencing, sebaliknya ia bersifat cecair dan cepat membasahi atau meleleh apabila terpecah.

Air ketuban akan terus memenuhi kantung rahim sepanjang tempoh

kehamilan. Fungsinya sangat penting. Antaranya ialah mengisi ruang perantara di antara janin, tali pusat dan dinding rahim bagi membantu penyerapan kesan hentakan luar (trauma kemalangan), menyerap kesan himpitan sekiranya berlaku pengecutan rahim, selain daripada menstabilkan suhu persekitarannya.

Kepentingannya yang lain ialah bertindak sebagai lapisan pendinding kepada jangkitan dan memberi ruang kepada bayi dalam kandungan untuk menggerakkan anggota tubuh iaitu kaki dan juga tangannya.

Air ketuban juga boleh pecah sama ada secara sendiri mahupun menerusi prosedur tertentu. Salah satu penyebab kepada ketuban pecah ialah prosedur memecahkan kantung ketuban yang biasanya dilakukan oleh doktor sewaktu ibu hamil mengalami kontraksi.

Selain itu, air ketuban yang terlalu berlebihan pula boleh menyebabkan rahim menjadi terlalu tegang dan tidak dapat menahan tekanan di dalamnya lalu pecah.

RISIKO AIR KETUBAN PECAH

Risiko ketuban pecah mungkin boleh terjadi sewaktu atau sejurus selepas kebocoran terutamanya kepada ibu hamil yang mempunyai masalah polihidramnios dan kedudukan janin tidak normal.

Tali pusat boleh jatuh ke dalam faraj hingga menjadi punca kepada penyebab bayi lemas. Kebiasaannya tindakan segera akan diambil doktor dengan melakukan pembedahan Caesarean bagi mengeluarkan bayi.

Uri boleh lekap daripada terus melekat pada dinding rahim disebabkan faktor perubahan tekanan yang berlaku secara mendadak akibat daripada kebocoran besar seperti di dalam kes polihidramnios. Apabila ini berlaku, ibu hamil juga boleh kehilangan darah dalam jumlah yang banyak dan pada masa yang sama boleh membahayakan keselamatan bayi yang dikandung.

Risiko-risiko lain yang boleh berlaku termasuk jangkitan kuman (chorioamnionitis) jika ketuban pecah melebihi 24 jam. Kuman boleh menjangkiti air ketuban dan janin melalui faraj serta boleh mengakibatkan pneumonia. Ia juga boleh memasuki aliran darah janin dan ibu (sepsis).

Kedudukan janin boleh kekal tidak normal kerana kekurangan atau ketiadaan air ketuban bagi memberi ruang untuk janin bergerak dan membetulkan kedudukannya. Sindrom aspirasi meconium pula boleh terjadi di mana kandungan air ketuban yang sedikit menyebabkan najis janin tidak



cair dan meningkatkan risiko terhadap bayi jika najis memasuki ruang pernafasannya.

Oleh itu, air ketuban yang keluar tidak harus dipandang ringan. Sekiranya anda mengesyaki air ketuban keluar sebelum tiba waktunya, segeralah berjumpa doktor untuk mendapatkan pengesahan dan menjalani rawatan susulan.

OLIGOHYDRAMNIOS (KEKURANGAN AIR KETUBAN)

Punca-Punca:

1. Koyakkan kecil pada dinding air ketuban menyebabkan air ketuban keluar. Koyakkan ini meningkatkan risiko jangkitan bakteria kepada ibu dan bayi.
2. Masalah pada placenta menyebabkan bekalan darah dan nutrien berkurangan pada bayi sekali gus menyebabkan bayi berhenti mengitar semula cecair yang dijadikan air ketuban.
3. Kesihatan ibu seperti buah pinggang serta paru-paru menimbulkan masalah air ketuban yang kurang. Kelainan kromosom janin juga boleh menyebabkan kurang penghasilan air ketuban ini.
4. Masalah air ketuban kurang mempunyai risiko yang tinggi sekiranya si ibu

mengandung kembar dua atau lebih. Ini berlaku kerana sindrom peralihan cecair kembar kepada kembar yang lain.

Antara risikonya:

- Janin berkemungkinan lemas akibat gangguan aliran darah dan oksigen daripada tali kepunyaannya apabila tali pusat terhimpit.
- Penyempitan ruang dalam rahim boleh mengganggu pembentukan paru-paru, menyebabkan kecacatan pada anggota kaki serta kedudukan janin tidak normal.
- Kelahiran prematur dan komplikasi berkaitannya boleh berlaku seperti kesukaran pernafasan (respiratory distress syndrome), masalah usus (necrotizing enterocolitis), pendarahan otak (intraventricular haemorrhage) dan jangkitan darah (septicaemia).

POLIHYDRAMNIOS (AIR KETUBAN TERLALU BANYAK)

Antara risikonya:

1. Kedudukan bayi tidak stabil. Bayi akan sering bertukar kedudukannya seperti songsang, melintang dan kepala ke bawah.
2. Kandungan nampak terlalu besar dan berat. Kesannya kepada tulang belakang akan ketara apabila anda berasa tidak selesa tidak selesa terutamanya di trimester akhir kehamilan.
3. Risiko kelahiran prematur lebih tinggi.
4. Disebabkan kedudukan bayi yang tidak tetap, risiko melahirkan bayi secara Caesarean adalah tinggi.
5. Bayi juga berkemungkinan mempunyai kecacatan, ia boleh dikesan melalui pemeriksaan ultrabunyi. ☒

Women - Health -
Pg. 90-91.